

9hb. April, 1980

Semua Yang Di-Pertua,
Mahkamah Sesyen,

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,

SEMENANJUNG MALAYSIA.

PEKELILING PENDAFTAR NO. (A) 5/1980

PENYATA BULANAN KES-KES JENAYAH DAN SIVIL

Dengan tujuan untuk menyelaraskan berbagai penyata bulanan dari Mahkamah-mahkamah Rendah dan mendapatkan maklumat-maklumat yang perlu, Y.A.M. Hakim Besar Malaya mengarahkan bahawa mulai dari 1hb. Mei, 1980 penyata-penyata berikut hendaklah disediakan dan dikemukakan:-

- (a) Rumusan Bulanan Mengenai Penyata Jenayah - (lampiran 'A');
- (b) Penyata Bulanan Kes-kes Jenayah (Mahkamah 139) - (lampiran 'B');
- (c) Rumusan Bulanan Mengenai Penyata Sivill - (lampiran 'C');
- (d) Penyata Bulanan Rayuan-rayuan Jenayah - (lampiran 'D') dan
- (e) Penyata Bulanan Rayuan-rayuan Sivill - (lampiran 'E')

MAHKAMAH MAJISTRET

2. Di akhir setiap bulan, tiap-tiap Mahkamah Majistret hendaklah menyediakan penyata-penyata yang tersebut di atas bagi mahkamah itu. Bagi mahkamah tertutup, mahkamah yang menyimpan rekod-rekod mahkamah itu hendaklah menyediakan penyata-penyata tersebut. Penyata-penyata untuk setiap mahkamah hendaklah dibuat di atas kertas-kertas yang berasingan sungguhpun mahkamah-mahkamah itu berada di bawah jagaan majistret yang sama. Walau pun tidak ada kes, misalnya tidak ada rayuan yang bertanggung dihujung bulan itu dari mahkamah itu, penyata itu mestilah di-sediakan juga dengan menunjukkan "tiada" di ruangan-ruangan yang berkenaan.

3. Penyata-penyata No.(1) dan (3) - (lampiran 'A' & 'C') - hendaklah dibuat sebanyak empat salinan. Satu salinan tiap-tiap satu hendaklah dihantar kepada Hakim dan Yang di-Pertua yang bertanggung-jawab ke atas majistret berkenaan dan satu salinan hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar. Jika mahkamah itu terletak di dalam negeri yang lain dari negeri di mana majistret berkenaan di tempatkan, satu salinan tambahan hendaklah disediakan dan dihantar kepada Yang Di-Pertua di negeri yang satu lagi itu atau, jika terdapat Mahkamah-mahkamah Sesyen pada lebih dari satu tempat, kepada Yang Di-Pertua di ibu negeri itu, (misalnya satu salinan penyata dari Mahkamah Majistret Kroh hendaklah dihantar kepada Yang di-Pertua di Ipoh dan satu salinan penyata dari Mahkamah Majistret Cameron Highlands hendaklah dihantar kepada Yang Di-Pertua di Kuantan).

4. Setelah menerima semua penyata seperti yang tersebut di dalam para 3 dari semua mahkamah di dalam negeri itu, samada diliputi oleh majistret yang menetap di dalam negeri itu atau tidak, Yang Di-Pertua berkenaan hendaklah memastikan supaya penyata-penyata yang berkenaan disatukan dan disimpan di dalam fail mahkamah itu. Pejabat Pendaftaran Pusat di-Kuala Lumpur akan juga menyediakan menyimpan penyata-penyata yang disatukan untuk setiap negeri dan untuk seluruh Malaysia Barat.

5. Penyata-penyata No.(4) dan (5) (lampiran 'D' dan 'E') - hendaklah juga dibuat di dalam empat salinan. Satu salinan bagi tiap-tiap satu hendaklah dihantar kepada Hakim dan Yang Di-Pertua yang bertanggung-jawab ke atas majistret itu. Satu salinan hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar dan bakinya disimpan di dalam fail mahkamah.

6. Penyata nombor (2) - (lampiran 'B') - hendaklah dibuat di-dalam tiga salinan. Cara-cara didalam perenggan 5 hendaklah dipakai KECUALI tidak perlu dihantar salinan kepada Ketua Pendaftar.

MAHKAMAH SESYEN

7. Mengenai Mahkamah Sesyen, penyata-penyata nombor (1) dan (3) di dalam perenggan 1 hendaklah dibuat di dalam tiga salinan. Satu salinan hendaklah dihantar kepada Hakim yang bertanggung-jawab ke atas Yang Di-Pertua berkenaan, satu salinan kepada Ketua Pendaftar dan bakinya disimpan di dalam fail mahkamah. Di dalam negeri-negeri di mana terdapat Mahkamah Sesyen pada lebih dari satu tempat (seperti Johor dan Pahang),

satu salinan tambahan hendaklah disediakan oleh Mahkamah Sesyen yang bukan di Ibu Negeri itu dan menghantarkannya kepada Yang Di-Pertua yang menetap di Ibu Negeri itu. Dalam hal demikian perenggan 4 hendaklah diikuti.

8. Begitu juga, penyata-penyata nombor (4) dan (5) hendaklah dibuat di dalam tiga salinan. Satu salinan hendaklah dihantar kepada Hakim yang bertanggung-jawab ke atas Yang di-Pertua berkenaan dan satu salinan kepada Ketua Pendaftar. Bakinya hendaklah disimpan di dalam fail mahkamah.

9. Hanya dua salinan penyata nombor (2) dikehendaki disediakan. Satu salinan hendaklah dihantar kepada Hakim yang bertanggung-jawab ke atas Yang Di-Pertua berkenaan dan satu salinan kepada Ketua Pendaftar. Bakinya hendaklah disimpan di dalam fail mahkamah.

10. Y.A.M. Hakim Besar Malaya menyeru agar Y.A. Hakim-Hakim dan Yang Di-Pertua, Yang Di-Pertua kerap memeriksa penyata-penyata dari Mahkamah Majistret dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu dengan tujuan untuk mencapai pentadbiran keadilan yang lebeh cekap. Y.A. Hakim-Hakim adalah diharapkan akan berbuat demikian juga terhadap penyata-penyata dari Mahkamah Sesyen. Ketua Pendaftar akan berbuat demikian juga.

11. Langkah-langkah sedang diambil untuk mencetak borang-borang penyata dan membekalkannya kepada semua mahkamah. Sementara itu

borang-borang itu hendaklah ditaipkan. Borang "Mahkamah 139" yang digunakan sekarang bolehlah terus digunakan dengan dibuat pindaan-pindaan yang perlu - (lihat lampiran 'B').

PENYATA HARIAN

12. Penyata harian hendaklah terus disediakan seperti sekarang ini. Sungguhpun demikian, berhubung dengan Mahkamah Majistret, tiga salinan hendaklah dibuat. Satu salinan tiap-tiap satu hendaklah dihantar kepada Hakim dan Yang Di-Pertua yang bertanggung-jawab ke atas majistret itu dan bakinya disimpan di dalam fail mahkamah. Mahkamah Sesyen hanya perlu menyediakan dua salinan penyata harian, satu untuk Hakim dan satu untuk fail mahkamah.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(ABDUL HAMID BIN HAJI MOHAMED)

Pem. Ketua Pendaftar.

s.k.

1. Setiausaha kepada,
Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Malaysia,
Mahkamah Persekutuan, K.Lumpur.
2. Setiausaha kepada,
Y.A.M. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Tinggi, K.Lumpur.
3. Setiausaha kepada,
Y.A. Hakim Besar Borneo,
Mahkamah Tinggi, Kucing,
Sarawak.
4. Semua Setiausaha kepada,
Y.A.A. Hakim-Hakim,
Mahkamah Persekutuan, Malaysia,
Kuala Lumpur.
5. Semua Setiausaha kepada,
Y.A. Hakim-Hakim,
Mahkamah Tinggi,
Malaya dan Borneo.
6. Pendaftar, Mahkamah Tinggi,
Borneo, Kucing, Sarawak.
7. Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kota Kinabalu, Sabah.
8. Semua Pen. Kanan Pendaftar/
Penolong Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Malaya dan Borneo.